

Berita Mediacorp

10 firma diiktiraf sebagai syarikat teknologi terbaik S'pura

19 July 2019

SINGAPURA: Persatuan Komputer Singapura mengiktiraf 10 syarikat sebagai firma teknologi terbaik di negara ini. Mereka menerima anugerah itu siang tadi (19 Jul) di Forum Teknologi persatuan tersebut.

Acara itu turut dihadiri Menteri Perhubungan dan Penerangan S Iswaran.

Terdapat empat pemenang keseluruhan yang termasuk syarikat ThoughtWorks dan Web-Imp serta firma perunding cara kewangan, M-Daq dan syarikat AI ViSenze.

Syarikat-syarikat tersebut dinilai berdasarkan sejauh mana dasar-dasar sumber manusia masing-masing berkesan, keupayaan memberikan inspirasi serta cara menggalakkan semangat inovasi.

Menurut Encik Iswaran, adalah penting untuk memupuk budaya memberikan inspirasi dan semangat inovasi dalam pertumbuhan-pertumbuhan. Itu, kata beliau, adalah anak kunci kepada kecemerlangan di tempat kerja dan persaingan dalam perusahaan media infokom. Kejayaan dan pengalaman para pemenang anugerah itu, tambah Encik Iswaran, akan memberikan motivasi kepada ramai lagi dalam perusahaan tersebut.

Sila baca <https://berita.mediacorp.sg/mobilem/singapura/10-firma-diiktiraf-sebagai-syarikat-teknologi-terbaik-s-pura/4310906.html>

<https://berita.mediacorp.sg/mobilem/singapura/10-firma-diiktiraf-sebagai-syarikat-teknologi-terbaik-s-pura/4310906.html>